



**PERUTUSAN DATUK BANDAR**  
**MESYUARAT MAJLIS BIL. 10/2023**  
**27 SEPTEMBER 2023 (11 RABI'UL AWWAL 1445H)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya kita semua dapat bersua dan berkumpul lagi dalam Mesyuarat Majlis pada edisi kali ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dan masyarakat kerana telah banyak memberi sokongan, sumbangan idea, pendapat yang bernas dan penyertaan dalam semua aktiviti-aktiviti program yang dianjurkan Majlis. Program kemasyarakatan merupakan aktiviti yang akan merapatkan lagi ikatan jalinan antara Majlis dan masyarakat. Semoga kerjasama dan kolaborasi yang berterusan ini, dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada penduduk dan mendatangkan keberhasilan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat Petaling Jaya.

2. Untuk makluman semua, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Semangat kerja berpasukan mestilah berada di tahap tertinggi dalam memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh integriti. Kerja berpasukan dan saling bantu membantu ini sangat penting dan perlu dilaksanakan di semua peringkat agar kita semua bersama-sama berganding bahu dalam menghadapi apa jua keadaan selain mengekalkan kesetiaan dan perpaduan di dalam masyarakat saling memahami dan rasa bangga untuk menjadi rakyat di bumi Selangor Darul Ehsan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, elemen integriti perlu diberi keutamaan dan diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dengan warga kerja yang sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, integriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekaligus membentuk pasukan yang membudayakan kerja yang berprestasi tinggi.

Kehendak ini juga senada dan selaras dengan aspirasi YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim sewaktu sesi taklimat Perdana Menteri bersama penjawat awam Selangor baru-baru ini yang mahukan dan bertekad, segala bentuk rasuah dan penyelewengan dinoktahkan dan mengamalkan tatakelola yang betul bagi menjayakan negara selain tidak menyalahgunakan kuasa dan amanah yang diberikan untuk kepentingan peribadi.

Sebagai PBT yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis Bandaraya Petaling Jaya berterusan meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Pelbagai infrastruktur dan kemudahan awam telah dan sedang giat dijalankan demi kemudahan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemaskini.

Pembudayaan sistem tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi, selain perlaksanaan sumber secara efektif dan holistik, dapat dicapai sekiranya pengurusan tertinggi Majlis meletakkan kecemerlangan pada kedudukan paling tinggi selari dengan visi dan misi Majlis.

Saya berharap agar seluruh kakitangan Majlis sentiasa bekerja dalam satu pasukan dan sentiasa berganding bahu dalam apa jua keadaan berpaksikan nilai-nilai murni sebagai pemangkin ke arah mutu kerja yang cemerlang. Saya percaya dan yakin, jika kerjasama dan sikap bantu membantu sentiasa menjadi amalan, tidak mustahil MBPJ akan terus meraih pelbagai kecemerlangan di masa hadapan.

## **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diiktiraf oleh UNICEF sebagai calon Bandar Pertama Mesra Kanak-Kanak di Malaysia pada 25 Jun 2022 di atas segala inisiatif dan tindakan dalam menyediakan peluang dan kemudahan yang mesra kepada kanak-kanak serta menjadi PBT pertama di Malaysia yang melibatkan golongan kanak-kanak dalam proses perancangan pembangunan melalui platform Ahli Majlis Kanak-Kanak.

Komitmen berterusan dan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh MBPJ dalam pelaksanaan inisiatif bandar mesra kanak-kanak telah melonjakkan nama MBPJ ke peringkat antarabangsa apabila Majlis telah dijemput untuk menghadiri dan membuat perkongsian pengalaman mengenai Pelaksanaan Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya di “*UNICEF East Asia - Europe CFCI Policy Dialogue*” yang telah berlangsung pada 4hb – 5hb September 2023 bertempat di CaixaForum, Madrid, Sepanyol dan menyertai lawatan khas “*UNICEF East Asia-Europe Child Friendly Cities Interregional Exchange*” bersama Rivas Vaciamadrid City Council dan Fuenlabrada City Council, Sepanyol serta Helsinki City Council, Oulu City Council, Hämeenlinna City Council dan Vantaa City Council di Finland pada 6hb – 8hb September 2023 bagi mempelajari amalan-amalan baik dan pengalaman CFCI daripada bandar-bandar di Eropah.

Selaras dengan aspirasi dan halatuju Kerajaan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025, MBPJ akan menjadi

bandar perintis dan model terbaik pembelajaran kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan PBT di Malaysia dalam pelaksanaan inisiatif bandar mesra kanak-kanak.

Pemantauan dan penilaian pihak UNICEF terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya juga telah mengesahkan bahawa MBPJ layak untuk diberi penarafan sebagai Bandar Pertama Mesra Kanak-Kanak di Malaysia (Child Friendly Cities Initiatives) oleh UNICEF.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya sangat cakna dan komited terhadap penglibatan penduduk dalam pelaksanaan proses penyediaan belanjawan. Justeru, sesi *Town Hall* yang diadakan minggu lalu bukan sahaja memberi ruang bagi Majlis untuk menyampaikan cadangan Bajet 2024, malah menjadi platform untuk Majlis menerima pandangan, maklum balas serta idea dan cadangan yang bernas daripada warga bandar raya Petaling Jaya. Ini bagi membolehkan setiap maklum balas yang diberikan itu, dianalisa, disesuaikan dan dijadikan sebagai panduan bagi perancangan agenda perkhidmatan, pembangunan dan pemulihan ekonomi, diberi keutamaan.

Untuk makluman semua, Majlis telah membuka ruang kepada penduduk untuk memberikan cadangan atas talian bermula 17 Julai 2023 sehingga 4 Ogos 2023 yang lalu. Di dalam tempoh tersebut, Majlis telah memperolehi sejumlah 35 responden berserta 133 cadangan. Melalui itu, Majlis telah mengumpul keseluruhan

cadangan daripada penduduk bermula tahun bajet 2022 sehingga bajet 2024 daripada atas talian mahupun dari sesi *town hall* ini. Terdapat sejumlah 856 yang diterima oleh Majlis. Asas penyediaan bajet 2024 ini adalah selaras dengan fokus bajet oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri akan memberikan fokus kepada 4 perkara utama iaitu *Go physical*, *Go Digital*, *People Centric* dan *Pembugaran Ekonomi*.

Oleh yang demikian, Majlis akan memfokuskan kepada projek sambung, projek yang telah mempunyai kelulusan dan memilih untuk melaksanakan projek baru mengikut keperluan. Keutamaan juga akan diuruskan kepada penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur berkualiti kepada penduduk serta program bagi menjana ekonomi (pusat-pusat penjaja / kedai mampu milik) kepada golongan berpendapatan rendah dan paling terjejas. Selain itu, transformasi kawasan kos rendah berkepadatan tinggi juga adalah penting bagi memastikan dayatahan sosial, ekonomi, fizikal serta mampu mendepani cabaran akibat kelembapan ekonomi masa kini.

MBPJ akan sentiasa berusaha mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat dengan penumpuan khusus perkhidmatan teras pengurusan bandar raya meliputi infrastruktur dan kemudahan awam, perancangan pembangunan, pengurusan sisa pepejal dan kebersihan bandar, kesihatan persekitaran, pengindahan bandar, pelesenan dan penguatkuasaan.

Sistem penyampaian perkhidmatan Majlis akan terus diperkasakan dengan memperkenalkan inisiatif pengurusan dan perkhidmatan digital yang menekankan pendekatan baharu penyampaian perkhidmatan Majlis. Matlamat utama pelaksanaan agenda digitalisasi ini, supaya harapan penduduk dapat dipenuhi seiring landskap semasa era digital masa kini. Dalam erti kata lain, pelaksanaan inisiatif digital bertunjangkan penyampaian perkhidmatan Majlis mengutamakan elemen digital, sekali gus kekal memfokuskan rakyat.

Majlis turut mengambil langkah berbelanja secara berhemah ke arah penjimatan dan memberi fokus kepada perkhidmatan dan pembangunan berteraskan hala tuju PJSSR supaya dapat memenuhi ekspektasi masyarakat dan penduduk Petaling Jaya:-

- a) **Alam Sekitar dan Kesihatan** - Memastikan kawasan hijau terpelihara, mengurangkan pencemaran alam sekitar serta mengurangkan tempat hotspot denggi.
- b) **Pengurusan Bandar Selamat dan Bebas Halangan** – Menyelenggara fasiliti/ kemudahan/infrastruktur ke arah bandar bebas halangan untuk semua peringkat golongan masyarakat Petaling Jaya.
- c) **Ekonomi / Hasil PBT** - Memastikan ekonomi/hasil PBT yang dikutip boleh menampung perbelanjaan pengurusan bandar, peningkatan nilai ekonomi di kawasan Petaling Jaya di dalam sumber kewangan dan guna tanah yang terhad tanpa membebankan ekonomi penduduk.

- d) **Sosial** - Memastikan komuniti di dalam keadaan sejahtera serta membangun masyarakat madani.
- e) **Pengurusan Bandar Digital** - Memastikan *delivery system* memenuhi keperluan penduduk dan sentiasa terbaik dengan sumber tenaga kerja yang terhad. Ke arah pendigitalisasian 100 peratus (%) perkhidmatan Majlis.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Pada tahun 2023 terdapat sebanyak 34,430 pemegang lesen yang telah berdaftar di Petaling Jaya. Sebanyak 29,064 bagi pemegang lesen tred perniagaan dan sebanyak 5,276 bagi pemegang lesen usahawan mikro. Merujuk kepada bilangan pemegang lesen tersebut, terdapat sebanyak 50,000 bilangan aktiviti di Petaling Jaya. Jumlah hasil kutipan bagi tahun 2023 (sehingga 25 September 2023) adalah sebanyak RM 15,442,359.30, dengan peningkatan sebanyak RM 1,027,954 berbanding bulan semasa tahun 2022.

Majlis telah mula mengeluarkan notis pembaharuan lesen tahun 2024 bagi Lesen Usahawan Mikro dan Lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian pada September 2023. Sekiranya orang awam masih belum lagi menerima notis tersebut, mereka boleh melayari pautan [www.elesen.mpbj.gov.my](http://www.elesen.mpbj.gov.my) untuk membuat semakan.

Sehubungan dengan itu, pengusaha-pengusaha sama ada bagi pemegang lesen Usahawan Mikro, lesen tred, Perniagaan dan Perindustrian, lesen Pusat Hiburan, lesen Establisymen Makanan dan lain-lain boleh mula untuk memperbaharui lesen tahun 2024



bermula pada 1 Oktober 2023 secara dalam talian di pautan [www.elesen.mbpj.gov.my](http://www.elesen.mbpj.gov.my) atau pun menggunakan kemudahan yang lain seperti kemudahan kaunter luar. Majlis telah menyediakan sebanyak 21 kaunter luar bagi memudahkan orang ramai untuk memperbaharui lesen tanpa perlu bersesak di Ibu Pejabat Majlis mahu pun di Menara Majlis.

Untuk makluman bersama, Majlis turut memperkenalkan cetakan lesen menggunakan kiosk Majlis dan juga penggunaan aplikasi Sistem eLesen. Lokasi bagi kiosk MBPJ adalah terletak di Kaunter Lobi Ibu Pejabat, Kiosk Menara, Kiosk Pasar PJKita @Sri Damansara, Kiosk Pasar Jalan Othman, Kiosk Pasar Taman Megah dan Kiosk The Spine @PJKita, Kelana Jaya. Kemudahan kiosk antara lain adalah boleh mencetak lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian dan Permit Sementara Tred.

Manakala, bagi aplikasi Sistem eLesen pula, orang ramai boleh mula menggunakan perkhidmatan tersebut mulai Disember 2024. Perkhidmatan ini masih di dalam pembangunan yang membolehkan orang awam membuat permohonan lesen, semakan status, pembatalan lesen dan juga cetakan lesen bagi Lesen Tredn, Perniagaan dan Perindustrian dan Lesen Usahawan Mikro.

Majlis memberi peringatan mesra kepada semua pemegang lesen perniagaan di Petaling Jaya untuk memperbaharui lesen tahun 2024 mulai Oktober 2023 sehingga 31 Disember 2023. Sekiranya tuan/puan lewat untuk memperbaharui lesen tahun 2024, denda lewat akan dikenakan sebanyak RM 50.00 kepada pemegang lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian mulai 1 Januari 2024 sehingga

31 Mac 2024. Selepas 1 April 2024 sehingga 30 Jun 2024, denda lewat sebanyak RM 300.00 akan dikenakan.

Pembaharuan lesen perniagaan ini juga bergerak secara bersepadu di mana pembaharuan kelulusan kebenaran merancang, permit bangunan dan penyelesaian kompaun akan dilaksanakan serentak. Pemegang lesen dinasihatkan untuk membuat semakan terlebih dahulu sebelum pembaharuan lesen dibuat. Manakala, bagi Lesen Usahawan Mikro, denda lewat sebanyak RM 250.00 akan dikenakan bermula pada 1 April 2024. Pembatalan lesen bagi kedua-dua kategori lesen akan bermula pada 1 Julai 2024.

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. *World Cleanup Day* (WCD) merupakan sebuah program sosial tahunan secara global bertujuan untuk menangani masalah sisa pepejal termasuk sisa di laut. WCD ini melibatkan aktiviti pembersihan kawasan secara serentak atau lebih mudah ditafsirkan sebagai gotong-royong membersihkan sesebuah kawasan atau lokasi.

Program ini telah mula dijalankan di kawasan Petaling Jaya sejak tahun 2018 dan dijadikan program tahunan Majlis. Walaubagaimanapun, program ini terpaksa ditangguhkan pada tahun 2020 disebabkan Pandemik COVID-19. Untuk makluman semua, program ini selaras dengan sasaran Petaling Jaya iaitu menjadi sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan di bawah thematic *Circular Economy City* dengan matlamat menjadikan alam sekitar bersih.

*World Cleanup Day* Petaling Jaya 2023 telah diadakan pada 16 September 2023 yang lalu dengan melibatkan enam zon kawasan Ahli Majlis dan Majlis telah memilih Kampung Sungai Kayu Ara sebagai lokasi utama program. Manakala, dua zon kawasan Ahli Majlis telah dijalankan pada 14 September 2023. Jumlah penglibatan sukarelawan dianggarkan seramai 526 orang.

Dengan adanya program *World Cleanup Day* Petaling Jaya ini, ianya dapat memberi pendekatan dan pendedahan kepada penduduk sekitar dan masyarakat di luar sana bahawa pembuangan sampah dengan betul itu bukan sahaja untuk menjaga alam sekitar tetapi juga boleh melakukan pengasingan sampah dengan kitar semula. Majlis akan sentiasa komited mengadakan program-program seumpama ini bagi memastikan kelestarian, keindahan dan keceriaan bandar raya Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Untuk makluman dan tindakan kita semua, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 37/2023 adalah sejumlah 105 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,825 kes yang dilaporkan. Keadaan ini jika kita lihat meningkat kepada 13 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu hanya 92 kes sahaja. Manakala bagi jumlah Lokaliti Wabak adalah sejumlah 45 lokaliti, 4 Wabak Baru dilaporkan, 1 lokaliti Wabak Tak Terkawal dilaporkan dan 10 lokaliti wabak *Hotspot* direkodkan. Alhamdulillah, tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

Dalam usaha mencegah dan mengawal kes demam denggi, bagi tahun 2023 Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran telah menjalankan penguatkuasaan undang-undang dengan mengeluarkan sebanyak 255 kompaun atas kesalahan berkaitan pembiakan nyamuk aedes dan 8 tapak binaan telah diarahkan tutup atas kesalahan terdapat tempat pembiakan nyamuk aedes. Selain menjalankan tindakan penguatkuasaan, Jabatan turut menjalankan program-program kesedaran dan memberi pendidikan kesihatan berkenaan pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi iaitu sebanyak 44 program telah dijalankan sehingga kini.

Berdasarkan situasi semasa ini, saya menyeru kepada semua untuk bersama-sama berganding bahu dalam menangani kes denggi ini dan bagi pemimpin masyarakat, mohon diadakan program gotong-royong secara kerap agar kes denggi ini terus menerus menunjukkan peratus menurun di samping membersihkan kawasan sekitar di tempat masing-masing.

**9. Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

Suntikan *typhoid* adalah sejenis suntikan vaksin yang digunakan untuk mencegah penyakit *typhoid* atau *tifoid*. Suntikan ini boleh didapati di klinik MBPJ atau mana-mana klinik kesihatan. Suntikan ini adalah bertujuan untuk merangsang sistem imunisasi badan untuk menghasilkan antibodi bagi melawan jangkitan bakteria *Salmonella typhi*.

Untuk makluman bersama, penggunaan vaksin ini telah terbukti mampu mencegah demam kepialu dari terus merebak di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Usaha ini tidak hanya mencegah demam kepialu, tetapi beberapa penyakit lain seperti kolera dan keracunan makanan. Mereka yang gagal mematuhi garis panduan ini boleh dikenakan denda dan boleh didakwa di mahkamah.

Sehingga bulan Ogos 2023, klinik Majlis telah memberi sebanyak 480 suntikan kepada pengendali makanan yang datang ke klinik atau semasa pasukan klinik MBPJ turun ke lapangan semasa operasi pemeriksaan premis makanan dijalankan. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada mana-mana pengendali gerai makan termasuk pekerja dibawah selian mereka agar lekas-lekas mengambil suntikan ini demi kebaikan kita bersama di samping menghindar dari penyakit-penyakit seperti yang saya nyatakan sebentar tadi.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program *1st Asia Pacific Youth Folklore Festival* yang melabuh tirainya secara rasmi semalam (26 September 2023). Saya percaya, penglibatan negara-negara yang terlibat dalam program anjuran Majlis ini amat penting sebagai sokongan kepada segala usaha yang dilaksanakan oleh Majlis sebagai Kota Seni. Pembangunan Kota Seni ini juga tidak hanya terfokus ke arah pengisian program, bahkan akan merangkumi dasar pembangunan, pelaksanaan dan perancangan bandar yang akan diterapkan dengan sisi dan konsep kesenian selaras dengan pengiktirafan Kerajaan Negeri sejak tahun 2015.

**Salam Maulidur Rasul dan sekian terima kasih.**